

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam kepada baginda Rasulullah s.a.w, ahli keluarganya, para sahabat baginda, muslimin dan para muslimat seluruhnya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan, penulis tujukan kepada yang dihormati al-Fadhil Ustaz Zakaria @ Mahmud bin Daud selaku penyelia yang telah bersusah payah menyenak dan memberi tunjuk ajar serta nasihat kepada penulis sepanjang penulisan kajian ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada Dekan Usuluddin Ustaz Johari Mat, juga kepada Ustaz Yusof Senik dan kepada semua penyarah di Akedemi Islam yang telah memberi kerjasama kepada penulis dan telah memenafaatkan ilmu kepada penulis. Semoga Allah membalas setiap jasa dan budi yang diberikan.

Penulis juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada pihak Perpustakaan al-Malik Faisal Nilam Puri, Perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Pusat Islam serta lain-lain pihak yang membantu penulis mendapatkan bahan-bahan kajian.

Setinggi-tinggi penghargaan buat ayahanda tercinta, Omar bin Awang Kechik dan bonda Meriam binti Mat Musa. Berkat doa restu dari mereka berdua telah mengiringi penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Juga buat abang Rauli, abang Rifai dan Cik Rafimah, jasa kalian amat penulis hargai.

Kesempatan ini juga, penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada kaum kerabat yang terdekat dan sahabat-sahabat yang telah membantu dan memberi sokongan serta nasihat kepada penulis, tidak lupa juga kepada Na dan Yah yang banyak mengorbankan masa dan tenaga membantu penulis dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.

Akhirnya untuk semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, penulis ucapkan jazakumullahu khairan kathir. Semoga Allah memberi rahmatNya kepada semua yang terlibat.

Sekian, wassalam.

Md. Radzi bin Omar  
Kg. Padang Rokma,  
16250 Wakaf Bharu,  
Kelantan Darul Naim.

23hb. Jamadil Akhir 1410 H.

20hb. Januari 1990 M.

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke-  
pada junjungan Nabi Muhammad s.a.w.

Penulis bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufik dan inayahnya, penulis telah dapat menyempurnakan kajian ilmiah ini se-  
bagaimana yang dikehendaki. Kajian ilmiah ini diwajibkan ke atas semua pelajar tahun akhir fakulti Usuluddin bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin.

Penulis merasakan betapa pentingnya tajuk ini dibincangkan kerana ianya merupakan perkara pokok di dalam Islam dan menjadi ru-  
kun yang pertama di dalam rukun Islam. Dan masih ramai di kalangan masyarakat kita pada hari ini yang hanya pandai menyebut sahaja ka-  
limah ini tetapi tidak tahu akan tuntutan-tuntutan dan penghayatan yang sebenarnya terhadap kalimah ini. Sedangkan seorang muslim yang dikatakan telah beriman ialah seorang yang benar-benar dapat memaha-  
mi serta menghayati bukan sahaja dari segi sebutan sahaja bahkan ju-  
ga keyakinan hati akan pengertian yang dibawa oleh kalimah ini.

Justeru itu, penulis mengharapkan kajian ini dapat memberi  
menafaat kepada diri penulis sendiri dan juga kepada seluruh masya-  
rakat Islam.

Segala yang baik itu dari Allah dan segala kekurangan itu  
adalah dari kelemahan diri penulis sendiri.

"Wahai Tuhan kami, janganlah kiranya Engkau hukumkan kami an-  
dainya kami lupa atau tersalah. Wahai Tuhan kami, janganlah  
Engkau bebankan ke atas kami seperti mana yang Engkau telah  
bebankan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kami. Wahai  
Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa-apa yang  
tidak mampu kami pikul. Wahai Tuhan kami, ampunilah kami,  
maafkanlah kami, kurniakanlah rahmatMu kepada kami, sesungguh-  
nya Engkau adalah pelindung kami, untuk itu, wahai Tuhan kami,  
tolonglah kami terhadap kaum-kaum yang kafir itu."

(Surah al-Baqarah, ayat 286)

Salam Hormat Dari Penulis,

Fakulti Usuluddin,

Akademik Islam,

Universiti Malaya.